

IQRA'

BIL. 8/2025
OGOS



Wacana Memartabatkan Warisan Warkah DiRaja Terengganu Dalam Peringatan Dunia Unesco

Disediakan oleh: Amir Muhammad Shafie

Kampus: PTAR UiTM Cawangan Selangor Kampus Shah Alam



Pada Ogos 2025, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Selangor telah menganjurkan program siaran langsung yang bertajuk Wacana Memartabatkan Warisan Warkah DiRaja Terengganu Dalam Peringatan Dunia dengan panel jemputan pensyarah dari Universiti Malaysia Terengganu iaitu Prof. Madya Dr. Riswadi Bin Azmi. Manakala moderator program ini ialah YBhg. YB Senator Datuk Seri Profesor Emeritus Dr. Awang Sariyan.

Program ini telah diadakan bersempena sambutan Hari Arkib Kebangsaan 2025 dengan beberapa aktiviti turut diadakan bersama. Program Kolaborasi bersama antara pihak PTAR UCS dan Kursi Institusi Raja-Raja Melayu ini adalah kesinambungan dari lawatan yang telah diadakan pada sebelum ini dalam memperkukuhkan peranan Institusi Raja-Raja Melayu dan fahaman jati diri sebagai rakyat Malaysia.

Topik yang telah dihuraikan dan dibawa pada sesi kali ini adalah Warkah Baginda Omar, Sultan Terengganu IX (1839-1676): Warisan Agung Alam Melayu mempersembahkan khazanah Surat-Surat Persendirian Baginda Onar, pemerintah yang dikenang kerana kebijaksanaan pentadbiran, keunggulan diplomasi serta keprihatinan terhadap kesejahteraan rakyat dan perkembangan syiar Islam.

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my